

CORIFED SYRUP

Triprolidine Hydrochloride/Pseudoephedrine Hydrochloride (1.25mg/30mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CORIFED SYRUP
2. Bagaimana CORIFED SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan CORIFED SYRUP
4. Cara menggunakan CORIFED SYRUP
5. Semasa menggunakan CORIFED SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CORIFED SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CORIFED SYRUP

Corifed Syrup digunakan untuk merawat gejala hidung tersumbat, bersin, rasa gatal, mata berair, dan sinus yang tersumbat disebabkan oleh alergi atau selesema biasa.

Bagaimana CORIFED SYRUP berfungsi

Corifed Syrup mengandungi dua bahan aktif iaitu triprolidine hydrochloride dan pseudoephedrine hydrochloride. Triprolidine ialah antihistamin, yang menghalang tindakan histamin dalam badan dan melegakan bersin, hidung berair, mata berair dan gejala alahan yang lain. Pseudoephedrine adalah dekongestan yang berfungsi dengan melegakan hidung bengkak dan tersumbat.

Sebelum menggunakan CORIFED SYRUP

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan CORIFED SYRUP jika:

- Anda alah atau hipersensitif kepada triprolidine, pseudoephedrine, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat

Lanjut)

- Anda sedang mengambil atau baru-baru ini ada mengambil (dalam masa 2 minggu) *monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs) untuk kemurungan

-Sebelum menggunakan CORIFED SYRUP

Beritahu doktor anda jika:

- mengalami pembesaran prostat atau masalah fungsi pundi kencing
- mengalami masalah hati atau buah pinggang yang teruk

Apabila digunakan untuk rawatan batuk dan selsema:

- (a) Tidak boleh digunakan jika anak anda berumur di bawah 2 tahun
- (b) Gunakan dengan berhati-hati di bawah arahan doktor atau ahli farmasi jika anak anda berumur 2 hingga 6 tahun

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusu sebelum menggunakan sebarang ubat

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- dekongestan, penahan selera makan, amphetamine
- ubat yang digunakan untuk masalah jantung seperti breltylium.
- ubat yang digunakan untuk sedatif atau penenang
- ubat untuk menurunkan tekanan darah tinggi seperti bethanidine, guanethidine, debrisoquine, methyl dopa, dan *beta blockers*.
- antihistamin lain

Cara menggunakan CORIFED SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari

maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos

- Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih 12 tahun:

10ml (2 sudu teh) setiap 4-6 jam

- Kanak-kanak 6-12 tahun:

5ml (1 sudu teh) setiap 4-6 jam

- Kanak-kanak 2-5 tahun:

2.5ml (1/2 sudu teh) setiap 4-6 jam

- Kanak-kanak di bawah 2 tahun:

Tidak boleh digunakan untuk batuk dan selsema. Untuk kegunaan lain, ia hanya boleh digunakan seperti yang diarahkan oleh doktor anda

- Bila perlu digunakan

Ambil Corifed Syrup setiap 4-6 jam, atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Corifed Syrup untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan masalah seperti mengantuk terlampau, lemah, masalah koordinasi, sukar buang air kecil, pernafasan perlahan, tekanan darah

CORIFED SYRUP

Tripolidine Hydrochloride/Pseudoephedrine Hydrochloride (1.25mg/30mg per 5ml)

rendah, gelisah, mudah marah, sawan, tekanan darah tinggi, dan degupan jantung yang cepat atau tidak teratur.

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CORIFED SYRUP.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan CORIFED SYRUP kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat membuat anda berasa mengantuk, atau menjejaskan pendengaran anda, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Elakkan penggunaan serentak dengan alkohol kerana ia boleh meningkatkan risiko kesan sedatif.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, CORIFED SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang dilaporkan termasuk rasa mengantuk atau sukar untuk tidur.

Kesan sampingan lain (jarang berlaku) ialah kencing tidak lawas, terutamanya pada lelaki dengan pembesaran prostat, dan tindak balas pada kulit (tompok bulat merah, dan letusan kulit)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan CORIFED SYRUP

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Simpan di dalam bekas bertutup
Simpan suhu dibawah 30°C
Lindungi dari cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna kuning.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif
Setial 5ml mengandungi
Tripolidine Hydrochloride 1.25mg
Pseudoephedrine Hydrochloride 30mg

Bahan-bahan tidak aktif
Refined sugar, Methylparaben,

Chloroform spirit,
Carboxymethylcellulose sodium,
Quinoline yellow, Raspberry flavour and
Purified water

- Nombor MAL

MAL19860260AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd
Lot 5030, Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off
Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off
Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/03/2024

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)160124/00008